

Berita Harian, 16/12/2020, M15 ?

Nasional

Belia, ibu tunggal boleh daftar niaga percuma

SSM perluas inisiatif galak lebih ramai ceburi bidang perniagaan

Oleh Rohaniza Idris
dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Inisiatif pendaftaran perniagaan percuma akan diperluaskan kepada golongan belia dan ibu tunggal B40 bagi merangsang serta merancakkan pertumbuhan sektor perdagangan domestik akibat impak pandemik COVID-19.

Inisiatif itu sebelum ini diberikan kepada pelajar sepanjang masa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta golongan orang kurang upaya (OKU).

Menteri Perdagangan Dalam

Negeri Dan Hal Ehwai Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan merangka kaedah bersesuaian bagi membolehkan golongan berkenaan memanfaatkan skim pendaftaran perniagaan percuma.

"Usaha SSM memperluaskan inisiatif pendaftaran perniagaan percuma kepada golongan belia dan ibu tunggal B40 ini bakal mencetus minat berniaga serta menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan ini untuk menceburi bidang perniagaan."

"Ini boleh menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan sehari-hari mereka, seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai inisiatif skim disediakan SSM untuk meringankan bebanan



Alexander Nanta Linggi

peniaga dan usahawan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain bantuan kepada golongan OKU, wanita, belia serta pelajar yang baru memulakan perniagaan mereka.

Alexander berkata, SSM juga menggalakkan belia dan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk mendaftarkan perniagaan secara percuma melalui Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1PIP) yang diperkenalkan pada 1 Januari 2017.

Golongan OKU juga disaran untuk memanfaatkan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1P) yang ditawarkan SSM bagi mendaftar perniagaan baharu dan memperbaharui pendaftaran perniagaan secara percuma. Skim ini mula diperkenalkan pada 23 Oktober 2012.

Selain itu, SSM membangunkan produk SSM BizTrust pada 20 Julai 2017, bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan beretika dalam talian.

"Pada 20 November lalu, SSM melalui kementerian ini mengumumkan lanjutan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma hingga 31 Disember 2021," katanya.

Selain inisiatif untuk membantu golongan OKU, wanita, belia dan pelajar, Alexander menjelaskan SSM giat menggerakkan sektor komuniti peniaga dan korporat terjejas dengan melaksanakan lapan inisiatif bersifat terangkum bagi mengurangkan beban masalah serta tekanan dihadapi sektor berkenaan.